

PENGHAKIMAN HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH: TINJAUAN TERHADAP KES-KES YANG DIPUTUSKAN DALAM JURNAL UNDANG- UNDANG TERPILIH TAHUN 2014 HINGGA 2019

*(Judgment on Hibah in Shariah Court: A Literature of Decided
Cases in Selected Law Journals from 2014 to 2019)*

Nurul Najwa Saad¹
najwa98034@gmail.com

Mohd Zaidi Daud²
zaididaud@um.edu.my

Mohd Norhusairi Mat Hussin³
husairi@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. ^{1,2,3 & 4}

Pengarang Koresponden: ³

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nurul Najwa Saad, Mohd Zaidi Daud & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2023). Penghakiman hibah di mahkamah syariah: Tinjauan terhadap kes-kes yang diputuskan dalam jurnal undang-undang terpilih tahun 2014 hingga 2019. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 333–366. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no7)

Peroleh: Received:	18/1/2022	Semakan: Revised:	18/3/2022	Terima: Accepted:	7/12/2022	Terbit dalam talian: Published online:	1/1/2023
-----------------------	-----------	----------------------	-----------	----------------------	-----------	---	----------

Abstrak

Hibah merupakan satu bentuk instrumen harta yang dianjurkan oleh Islam dalam konteks pembahagian harta dalam kalangan orang Islam. Hibah ialah pemberian harta secara sukarela kepada seseorang yang lain sama ada waris atau bukan waris yang berkuat kuasa semasa hidup.

Dari segi praktisnya di Malaysia, terdapat beberapa perkara berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan hibah khususnya dari aspek rukun hibah yang memerlukan khidmat mahkamah syariah untuk menyelesaikannya. Mahkamah syariah sebagai institusi keadilan dalam hal ehwal orang Islam berperanan untuk mengendalikankan dan memutuskan kes-kes hibah. Kajian ini meneliti isu-isu berbangkit yang telah dibicarakan dan diputuskan oleh hakim mahkamah syariah menerusi laporan jurnal undang-undang terpilih di Malaysia dari tahun 2014–2019. Penelitian ini menggunakan kajian kepustakaan dengan merujuk kes-kes hibah dalam jurnal undang-undang terpilih dan dianalisis dengan metode analisis kandungan bertema. Oleh itu, berdasarkan penelitian yang dilakukan didapati bahawa persoalan berkaitan dengan rukun-rukun hibah menjadi isu utama yang diputuskan oleh Hakim Syarie. Antaranya termasuklah pengesahan hibah sama ada hibah yang dilakukan memenuhi rukun-rukun hibah ataupun tidak.

Kata kunci: Harta, hibah, kes hibah, hal ehwal orang Islam, mahkamah syariah, Malaysia

Abstract

Hibah is a type of property instrument used in Islam to manage the distribution of wealth among Muslims. It is a voluntary transfer of property during one's lifetime to another person, be they an heir or non-heir. In its practice in Malaysia, several issues arise related to the implementation of hibah, most notably concerning its pillars, which require resolution by the Shariah Court. As an institution of justice in Muslim affairs, the Shariah Court is responsible for handling and deciding on hibah cases. This study examines the emerging issues that have been tried and decided by Shariah Court judges through selected law journal reports in Malaysia between 2014 and 2019. This study used library research by referring to hibah cases published in the selected law journals and analysed them using the thematic content analysis method. Thus, based on the analysis conducted, it was determined that the primary issue decided by the Shariah Court Judge is the pillars of hibah. Among them is the verification of hibah, that is, whether the hibah complies with its pillars or not.

Keywords: Property, hibah, hibah cases, Muslim affairs, Shariah Court, Malaysia

PENDAHULUAN

Dalam Islam, aspek penghakiman merupakan prinsip utama dan tunjang kepada keadilan. Hal ini selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa-apa yang kamu lakukan” (*Surah al-Maidah 5:8*).

Asas keadilan yang terkandung dalam prinsip kehakiman di atas tidak bersifat ketat (*rigid*) kerana prinsip tersebut boleh berubah mengikut suasana, perubahan dan keperluan semasa (Azizah & Ruzman, 2007:3). Di Malaysia, institusi kehakiman melibatkan dua sistem utama, iaitu mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Dua sistem utama ini berfungsi sebagai institusi yang menegakkan keadilan. Berdasarkan Senarai Dua, Jadual Kesembilan, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hal ehwal berkaitan dengan orang Islam di bawah bidang kuasa negeri, iaitu bidang kuasa mahkamah syariah. Dalam konteks harta orang Islam, pemberian (hibah), jelas diperuntukkan dalam Senarai Negeri, iaitu tertakluk di bawah bidang kuasa mahkamah syariah untuk membicarakan dan memutuskan hal ehwal berkaitan dengan hibah. Seperti mahkamah sivil, penghakiman di mahkamah syariah juga dikeluarkan melalui prosiding dan prosedur yang ditetapkan melalui perundangan yang diwartakan serta dilakukan melalui undang-undang utama (*substantive law*) dan undang-undang prosedur (*procedural law*) (Zulzaidi Mahmod et al., 2021:43). Kes berkaitan dengan hibah seperti pengesahan hibah tidak terkecuali berlaku dalam kalangan masyarakat yang membawa kepada peranan mahkamah syariah dalam usaha menyelesaikannya. Oleh itu, setiap keputusan dan penghakiman yang diputuskan oleh hakim wajib dipatuhi dan dilaksanakan oleh pihak-pihak terlibat mengikut terma yang terkandung dalam sesebuah penghakiman.

HIBAH MENURUT SYARAK DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Pembahagian harta melalui hibah ini boleh difahami secara tidak langsung daripada beberapa firman Allah SWT antaranya dalam *Surah al-Baqarah* menerusi ayat 177, *Surah al-‘Imran* ayat 92, *As-Shura*, ayat 49, *Surah an-Nisa’* ayat 4 dan 86 serta ayat 2 daripada *Surah al-Maidah*. Hibah merupakan pemberian sesuatu harta semasa hidup kepada sesuatu pihak secara sukarela tanpa ada balasan atau tukaran (Ibn Qudamah, 1981:239; Kamal Hamdi, 1987:145; Muhammad Qadri Basha, 2006:215). Hibah atau pemberian semasa hidup boleh diberikan kepada sesiapa sahaja sama ada kepada waris atau bukan waris (al-Sarakhshi, t.t: 58; ‘Abd al-Rahman Balangkhair, 1997:14, 16, 127). Pemberian harta kepada saudara mara merupakan perbuatan yang digalakkan, disunatkan dan memperoleh pahala yang besar di sisi Allah SWT. Secara tidak langsung, pemberian ini dapat mewujudkan suasana yang harmoni, bekerjasama dan mengeratkan tali perhubungan silaturahim antara sesama saudara (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & ‘Ali Asy-Sharbaji, 1996:119) seperti firman Allah SWT yang bermaksud: “*Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat*” (*Surah an-Nisa’*, 4:1).

Seseorang penghibah hendaklah cukup umur, berakal, pemilik sah harta, tidak mufliis dan tidak sakit yang boleh membawa kematian (*marad al-mawt*) ketika akad hibahnya. Pelaksanaannya terpakai pada takat 1/3 sahaja jika penghibah dalam keadaan sakit tenat dan berkemungkinan besar akan meninggal. Menurut al-Sharbini, syarat penerima hibah adalah berkeahlian untuk memiliki harta yang dihibahkan kepadanya daripada tanggungjawab dan sebagainya (al-Shirbini, 1997:512). Secara asasnya penerima harta itu sendiri hendaklah mereka yang boleh memegang dan menerima harta hibah. Sekiranya dalam situasi apabila benefisiari tidak mempunyai kelayakan, penerimaan boleh dilakukan oleh wali, wasi, iaitu pemegang amanah atau penjaganya (*qayyim*) (al-Nawawi, 429). Mengikut mazhab Shafii, harta yang hendak dihibahkan tersebut hendaklah sama seperti apa-apa yang diharuskan jual beli dalam Islam (al-Ghazzali, 1997: 267; al-Sharbini, 515). Sanhuri turut meringkaskan bahawa harta tersebut hendaklah wujud pada ketika akad dilakukan, dapat dikenal pasti, boleh diurusniagakan dan hendaklah sah dimiliki oleh penghibah (al-Sanhuri, 113).

Pada prinsipnya, seseorang itu bebas berakad untuk menguruskan hartanya dan boleh menghibahkan harta miliknya kepada sesiapa sahaja tanpa had. Namun begitu, terdapat keadaan tertentu, iaitu seseorang itu muflis ataupun dalam keadaan *marad al-mawt*, iaitu sakit yang boleh membawa kepada kematian, maka terdapat beberapa sekatan yang dikenakan. Bagi Jumhur, mereka berpandangan bahawa dalam keadaan sakit *marad al-mawt*, hukum hibah akan menjadi seperti wasiat apabila penghibah tidak boleh menghibahkan hartanya melebihi 1/3 melainkan dengan keizinan waris penghibah yang lain (al-Shafii, 141; Ibn Qudamah, 2001:473; al-Sarakhsi, 121). Tujuan sekatan tersebut adalah untuk menjaga kepentingan waris penghibah yang berkemungkinan akan dinafikan haknya terhadap pusaka melalui tindakan penghibah yang menghibahkan keseluruhan hartanya. Secara dasarnya, hibah tidak boleh ditarik balik kecuali hibah daripada bapa kepada anak-anak. Dalilnya daripada sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Abbad r.a. yang bermaksud: “Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: orang yang mengambil balik pemberiannya itu seperti sesekor anjing yang muntah kemudian kembali menjilat muntahnya”.¹ Menurut mazhab Syafii, syarat penarikan balik hibah oleh bapa atau mana-mana usul anak tersebut tertakluk pada syarat harta hibah tersebut yang masih dalam jagaan (wilayah) anak. Hak jagaan ini terbatal dengan enam perkara, iaitu rosaknya harta, jual beli, wakaf, gadaian serta hibah setelah berlakunya penyerahan (*qabd*) (al-Shirbini, 1997:521). Hibah boleh ditarik balik sekiranya tiada syarat balasan yang dimasukkan apabila akad hibah dibuat. Walau bagaimanapun, syarat balasan tidak pula menghalang harta hadiah dipulangkan berdasarkan pandangan *marjuh* dalam mazhab Shafii. Hibah yang dibuat oleh orang selain daripada usul tidak boleh ditarik balik sekiranya dibuat dengan syarat tiada sebarang balasan. Oleh itu, sekiranya diwajibkan syarat balasan dalam hibah maka penghibah boleh menarik balik hibah pada nilai atau kadar yang sama pada hari *qabd* jika syarat tersebut tidak ditunaikan. Dalam hal ini, Muhammad al-Syirbini menambah dengan menyatakan sekiranya seseorang membeli hadiah dengan syarat benefisiari melakukan perbuatan tertentu, namun syarat tersebut tidak dipatuhi maka wajib dipulangkan hibah tersebut (al-Syirbini, 522).

1 Imam Bukhari, Sahih al-Bukhari dalam *Mawsu'ah al-Hadith, Kitab al-Hibah wa Fadluha wa al-Tahrid 'Alayha*, Bab Hibah al-Rajul li Imra'atih wa Mar'ah li Jawjiha, No. 2589: 206.

Di Malaysia, harta tidak alih melibatkan proses tertentu, pindah milik adalah di bawah Kanun Tanah Negara yang merupakan proses menukar nama pemilik berdaftar. Permohonan pindah milik tanah melalui harta hibah adalah sama dengan proses pindah milik melalui jual beli dan perintah mahkamah, iaitu dengan menggunakan Borang 14A² yang boleh didapati di mana-mana pejabat tanah. (Rusnadewi Abdul Rashid & Noor Inayah Yaakub, 2010:24). Bagi permohonan pindah milik tanah yang mempunyai sekatan tertentu seperti keperluan mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa negeri. Permohonan hendaklah dilakukan terlebih dahulu sebelum sesuatu transaksi pindah milik seperti hibah dapat berkuat kuasa dengan mengisi borang 14A setelah mendapat kelulusan.³ Persoalan yang timbul sama ada penerima hibah yang telah termaktub dalam daftar hak milik boleh ditukarkan kepada nama seseorang ibu atau bapa yang ingin menarik balik pemberian hartanah tersebut daripada anaknya. Namun begitu, terdapat satu kes yang boleh dirujuk, iaitu *Rosinah bin Abdul Majid dan Azmi bin Abdul Majid lwn. Norsiah binti Yob dan Noraini binti Yob*.⁴ Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa maksud pelaksanaan undang-undang dalam pengecualian (4)(b) kepada seksyen 340 KTN adalah amat luas skopnya, iaitu merangkumi undang-undang adat. Sehubungan dengan itu, mahkamah telah memerintahkan bahawa pindah milik yang telah dibuat secara hibah oleh plaintif kepada defendan-defendan hendaklah dibatalkan dan dipulangkan secara sama rata dan adil. Pemakaian Seksyen 340 (4)(b) KTN membuka ruang kepada pelaksanaan hak penarikan balik hibah menurut undang-undang Islam (Rusnadewi & Noor Inayah, 2010:25–26).

Peruntukan tentang hibah boleh dibahagikan kepada dua aspek. Pertama dari aspek undang-undang substantif, iaitu mengenai prinsip undang-undang hibah, dan keduanya dari aspek pentadbiran. Didapati dari aspek pelaksanaan undang-undang hibah di Malaysia, sehingga ke hari ini tidak terdapat statut khusus hibah sama ada dari segi hukum substantif mahupun kaedah pentadbiran hibah sama ada pada peringkat negeri ataupun akta pada peringkat Persekutuan. Yang ada hanyalah fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri sebagai panduan

2 Seksyen 215, Kanun Tanah Negara 1965.

3 Seksyen 120, Kanun Tanah Negara.

4 Mahkamah Tinggi Kangar, Saman Pemula No 24–26 Tahun 2007, tarikh keputusan 6 November 2008 dalam Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub, “Hibah: Isu pindah milik dan pembatalan hibah hartanah di bawah Kanun Tanah Negara”, 25.

umum kepada masyarakat dan juga pihak berkuasa agama untuk mentadbir hal ehwal hibah. Hal ini sudah tentu berbeza dengan wakaf dan wasiat yang telah dikanunkan dalam bentuk kodifikasi khusus oleh sesetengah negeri di Malaysia seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Negeri Terengganu, Perak dan Sabah. Peruntukan tentang hibah masih berada di bawah skop yang amat terhad. Contohnya peruntukan tentang hibah dalam Perlembagaan Persekutuan hanya menjelaskan tentang bidang kuasa mahkamah syariah mengenainya menerusi Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Daripada peruntukan ini, enakmen pentadbiran undang-undang atau enakmen mahkamah syariah negeri-negeri memperuntukkan bahawa mahkamah syariah di bawah bidang kuasa malnya diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang berkaitan dengan hibah.⁵ Oleh yang demikian, perkara substantif tentang hibah seperti rukun, syarat penyempurnaannya serta hukum berkaitan dengannya akan merujuk hukum syarak. Yang tersebut adalah antara lakuna yang perlu ditambah baik terutama dalam pelaksanaan hibah di Malaysia kini giat ditawarkan secara komersial oleh pelbagai pihak industri perancangan dan pengurusan harta orang Islam serta institusi perbankan dan kewangan Islam. Berbeza dengan beberapa buah negara Islam yang lain seperti Jordan, Mesir dan Indonesia yang telah mempunyai peruntukan berkaitan dengan hibah dalam undang-undang sivil negara berkenaan.

5 Seksyen 50(3)(b)(v) dan (vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)(Pindaan) 2005 (No.6/2006); Seksyen 61 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (No.1/2003); Seksyen 46(2)(b)(vi), Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akta 505)-Pindaan terkini Akta A931, P.U.(A) 250/2002, P.U.(B) 77/100; Seksyen 61 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (No. 16/2003); Seksyen 11 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 (No.3/2001); Seksyen 9(2)(b)(vi), Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan (Pindaan) 1998 (No.10/1998); Seksyen 47(2)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang (Pindaan) 2001 (No.5/2001); Seksyen 9(2)(b)(v) dan (vi), Enakmen Mahkamah Syariah Kedah (No.4/1994); Seksyen 61(3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004 (No.4/2004); Seksyen 61(3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan)(Pindaan) 2005 (No.8/2005); Seksyen 49(3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (No.7/2002); Seksyen 11(3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 (No.6/2004); Seksyen 10(3)(b)(v) dan (vi), Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (No.24/2001) dan Seksyen 61(3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006 (No.4/2006).

Mengimbu kembali sejarah, mahkamah syariah negeri Johor pernah mengadakan undang-undang hibah Islam pada tahun 1914 menerusi *Majallah al-Ahkam al-'adliyyah* yang telah diterjemahkan sebagai *Majallah Ahkam Johor*. Meneliti *Majallah al-Ahkam al-'adliyyah*, didapati terdapat sebanyak 48 peruntukan yang menyentuh tentang hibah secara khusus bermula daripada perkara 833 sehingga perkara 880 yang berasaskan mazhab Hanafi. Kedudukan tentang hibah dalam undang-undang agak berbeza dengan bentuk harta orang Islam yang lain seperti wasiat, wakaf, harta pusaka, harta sepencarian, nazar dan sebagainya kerana terdapat dalam enakmen atau akta pentadbiran undang-undang Islam mahupun enakmen undang-undang keluarga Islam, walaupun dalam bentuk yang agak ringkas.

Jadual Kesembilan, Senarai Dua, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan perkara berkaitan dengan pemberian sebagai perkara yang terletak khusus di bawah bidang kuasa negeri-negeri.⁶ Namun begitu, didapati tiada pula sebarang definisi terhadap pemberian dibuat termasuklah dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Peruntukan menerusi Perlembagaan Persekutuan yang umum tentang pemberian yang merujuk hibah diperincikan dalam enakmen negeri pada peringkat negeri atau akta pada peringkat Parlimen bagi Wilayah Persekutuan sebagai maksud alang semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam.⁷ Dalam konteks undang-undang pentadbiran Islam, pelbagai istilah yang diguna pakai untuk merujuk hibah yang tidak seragam antara negeri-negeri. Antaranya termasuklah “alang semasa hidup” di Wilayah Persekutuan,⁸ Terengganu,⁹ Selangor,¹⁰

6 Para 4 (e)(ii), Jadual Kesembilan, Senarai Dua, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

7 Seksyen 46(1)(b)(iv), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

8 Seksyen 46 (2)(b)(vi) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).

9 Seksyen 11 (3)(b)(vi) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 (No.3/2001).

10 Seksyen 61 (3)(b)(vi) Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 (No.1/2003).

Perak,¹¹ Pulau Pinang,¹² Melaka,¹³ Kedah,¹⁴ Perlis¹⁵ dan Johor¹⁶ dan “alang semasa hidup (hibah)” di Sarawak¹⁷ dan Sabah.¹⁸ Di Pahang¹⁹ penggunaan istilah “pemberian semasa hidup” diguna pakai. Sementara istilah “alang hayat” di Kelantan²⁰ dan “hibah semasa hidup” di Negeri Sembilan²¹ dipakai. Kepelbagaian penggunaan perkataan tersebut yang merujuk hibah seharusnya distandardkan dan diselaraskan agar dapat membantu mengurangkan ketidakfahaman tentang peruntukan tersebut. Pentafsiran yang jelas dan selaras hendaklah dibuat.²² Didapati bahawa semua peruntukan tentang hibah ini diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah tinggi syariah. Statut yang memperuntukkan bidang kuasa mahkamah tinggi syariah untuk mendengar kes hibah tidak memberikan tafsiran terhadap istilah yang digunakan untuk maksud hibah. Hanya negeri Kelantan sahaja yang mentafsirkan istilah “alang hayat” yang bermaksud, “pemberian percuma atau pindah milik harta oleh seseorang dalam masa hayat kepada sesiapa yang dikehendaki”.²³

-
- 11 Seksyen 50 (3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (No.4/2004).
 - 12 Seksyen 61 (3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (No.2/2004).
 - 13 Seksyen 49 (3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (No.7/2002).
 - 14 Seksyen 13 (3)(b)(vi) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 (No.12/2008).
 - 15 Seksyen 61 (3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 (Pindaan 2008) (No.4/2006).
 - 16 Seksyen 61 (3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (No.16/2003).
 - 17 Seksyen 10 (3)(b)(vi) Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001 (No.42/2001).
 - 18 Seksyen 11 (3)(b)(vi) Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 (No.6/2004).
 - 19 Seksyen 47 (2)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 (No.3/1991).
 - 20 Seksyen 9 (2)(vi) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1982 (No.3/1982).
 - 21 Seksyen 61 (3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No.10/2003).
 - 22 Sheikh Ghazali Hj Abdul Rahman (Penasihat Perundangan Syariah, Pejabat Peguam Negara), dalam temu bual dengan kajian, 2 Januari 2014; Jasmin Jamaluddin (As-Salihin Trustee Bhd), dalam temu bual dengan kajian, 1 November 2013; Abdul Aziz Hassan (Pengasas, Zar Perunding Pusaka Sdn Bhd), dalam temu bual dengan kajian, 3 Februari 2014.
 - 23 Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1982 (No.3/1982).

Walau bagaimanapun, ketiadaan undang-undang hibah yang khusus tidaklah pula menghalang untuk kes dibicarakan dan diputuskan tentang hibah apabila terdapat pertikaian yang berlaku dalam kalangan orang Islam. Tidak dapat dinafikan banyak kes yang telah diputuskan sama ada di mahkamah sivil dan mahkamah syariah yang menjelaskan tentang prinsip hibah seperti rukun dan syarat hibah. Antara kes terdahulu yang popular berkaitan dengan hibah termasuklah kes *Tengku Haji Jaafar ibn Almarhum Tengku Muda Ali & Anor v. Government of Pahang*,²⁴ *Harun bin Muda dan lain-lain lwn. Mandak binti Mamat dan Lain-lain*,²⁵ *Muhammad bin Awang dan Lain-lain lwn. Awang bin Deraman dan lain-lain*,²⁶ *Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn. Mohd Sah bin Mohd Ali dan Lain-lain*,²⁷ *Salmiah binti Che Hat lwn. Zakaria bin Hashim*,²⁸ *Itam & Anor v. Zain*²⁹, dan *Eshah bt Abdul lwn. Azuhar bin Ismail*³⁰. Kes-kes yang telah diputuskan ini masih menjadi rujukan dan panduan sekiranya terdapat pertikaian berkaitan dengan hibah. Oleh itu, makalah ini akan meneliti kes hibah terkini yang diputuskan dan dilaporkan dari tahun 2014 sehingga tahun 2019. Penelitian dijalankan adalah untuk melihat jika terdapat isu baharu atau sama sahaja seperti kes terdahulu yang berkaitan dengan hibah dalam tempoh tersebut.

PENELITIAN TERHADAP KES-KES YANG DIPUTUSKAN DALAM JURNAL UNDANG-UNDANG TERPILIH TAHUN 2014 HINGGA 2019.

Penelitian telah dijalankan terhadap kes hibah yang diputuskan dan dilaporkan dalam jurnal undang-undang dalam talian khususnya *Shariah Law Report (ShLR)* dan *Current Law Journal (CLJ)*. Perbincangan artikel ini juga turut merujuk kes yang relevan dalam *Jurnal Hukum* sebagai data sokongan. Walau bagaimanapun, perbincangan makalah ini difokuskan pada *ShLR* dan *CLJ* dalam tempoh 2014–2019 dengan melihat isu-isu berbangkit yang diputuskan oleh mahkamah syariah di Malaysia. Untuk

24 [1987] 2 MLJ 74

25 [1999] XIII:I JH 63

26 [2001] XIV:II JH 165.

27 [2001] XIV:II JH 279.

28 [2001] XIV:I JH 79.

29 [1961] MLJ 54.

30 [1997] XI:II JH 219.

itu, kajian ini akan mengklasifikasikan perbincangan berdasarkan isu utama dalam penghakiman kes hibah, iaitu pengesahan hibah, rukun hibah, *qabd.* elemen keterangan, *marad al-mawt* dan penarikan balik hibah.

Pengesahan Hibah

Untuk memastikan sesuatu hibah itu sah dan boleh dikuatkuasakan, hibah tersebut perlulah memenuhi segala rukun dan syarat yang telah ditetapkan oleh syarak, misalnya barang yang dihibah (*al-mawhūb*) itu mestilah berada dalam pemilikan pemberi hibah (*al-wāhib*). Dalam kes *Hjh Norzanah bt Hj Abidin lwn. Pg Hj Jaluyi bin Pg Hj Ismail*,³¹ isu yang dibangkitkan adalah sama ada harta yang dituntut sememangnya harta sepencarian dan sama ada hibah yang dilakukan sah. Dalam fakta kes ini, plaintif memfailkan tuntutan harta sepencarian terhadap defendan berkenaan dengan sebuah rumah yang didaftarkan atas nama defendan. Menurut plaintif, dia telah menyumbangkan sebanyak \$125,222.27 untuk pengubahsuaian struktur dan bahagian dapur rumah tersebut, bahkan telah membuat pinjaman daripada kerajaan sebanyak \$81,734 dan baki pinjaman tersebut sebanyak \$8265 diperoleh melalui pinjaman Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Dalam pada itu, defendan mengemukakan keterangan telah menyerahkan bahagian yang diubah suai kepada anak-anak plaintif dan defendan sebagai hibah. Hakim dalam penghakimannya memutuskan bahawa bahagian rumah yang dihibahkan itu bukanlah milik defendan keseluruhannya kerana padanya turut terdapat milik plaintif. Malahan milikan tanah tersebut juga merupakan milikan kerajaan yang masih menjadi hutang melalui pinjaman yang pernah dibuat oleh defendan. Perkara ini dilihat jelas bercanggah dengan hukum syarak dan syarat hibah. Dengan demikian, perbuatan defendan menyerahkan bahagian rumah tersebut kepada anak kedua-dua belah pihak adalah tidak sah dari sudut hukum syarak dan terbatal.

Kes *Abdullah Zayawi Muda dan Yang Lain lwn. Fatimah @ Rohani Deris @ Idris*³² merupakan kes rayuan antara perayu, iaitu Abdullah Zayawi Muda dan adik-adiknya dengan responden berkaitan pengesahan hibah terhadap tanah dengan keterangan KRM 4196 Lot 5772 Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu. Perayu merupakan sepupu kepada responden.

31 [2016] 2 ShLR.

32 [2017] 3 LNS 7.

Bapa responden, Idris Haji Abdul Rahman dan ibu perayu, Chik binti Abdul Rahman ialah adik-beradik seibu sebapa. Tanah tersebut telah dihibah oleh datuk perayu dan responden (si mati) kepada ibu perayu dan bapa responden semasa hayat mereka. Isu yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan hibah tanah yang telah diberikan kepada responden dan ibu perayu oleh si mati dengan merujuk pada bahagian tanah yang ditandakan dengan batu perenggan. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap Borang 14A membuatkan Mahkamah memutuskan bahawa perbuatan pemberian tanah oleh si mati kepada responden dan ibu perayu adalah jelas merupakan amalan hibah. Dalam kes ini, hakim bicara merujuk kitab *Mughni Muhtaj* karangan *Mohamed al-Syarbini al-Khatib*, j. 2, h. 396 yang mengistilahkan hibah sebagai “*satu akad yang dapat memindah milik sesuatu tanpa perlu menukar ganti, kerana dibuat secara sukarela*”. Rujukan terhadap statut undang-undang turut dilaksanakan menerusi peruntukan dalam subsekyen 11(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang menyebut:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:

- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-
 - (vi) **alang semasa hidup**, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam;

Perkataan “alang semasa hidup” memiliki maksud yang serupa dengan “pemberian semasa hidup”. Dengan itu, hibah ialah pemberian harta kepada orang lain dengan matlamat dan tujuan yang baik ketika hayatnya tanpa adanya elemen paksaan.

Dalam kes yang sama juga, perayu mempersoalkan tentang penentuan sempadan tanah hibah tersebut. Mahkamah berpendapat bagi menjawab persoalan ini, terdapat dua hal mustahak yang perlu diteliti. Yang pertama ialah sama ada mahkamah syariah berbidang kuasa untuk menentukan sempadan hak milik tanah tersebut, dan yang kedua, sama ada penentuan bahagian tersebut disabitkan melalui *al-adatu muhakkamah* atau Borang 14A seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara (KTN). Berdasarkan Subseksyen 13 (1) dan Subseksyen 398 (1) Kanun Tanah Negara (KTN), Mahkamah tidak berbidang kuasa menentukan sempadan sesuatu tanah sebaliknya berada di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa

Negeri (PBN) yang diwakilkan kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN) seperti yang berikut:

- (1) Pengarah Ukur dan Pemetaan bolehlah menjalankan suatu pengukuran mana-mana tanah dalam Negeri bagi maksud-maksud Akta ini dan, berkaitan dengan pengukuran itu, bolehlah
 - (a) ...
 - (b) menanda sempadan-sempadan tanah itu;
 - (c) meletakkan tanda-tanda sempadan di atas tanah atau tanah bersempadan

Bagi menjawab persoalan yang kedua pula, YA Hakim Bicara mentakrifkan makna ‘uruf dengan melakukan rujukan pada kitab *‘Qawa’id al-Fiqh al-Islami, Dirasah ‘Ilmiyyah Tahliliyah Muqarrarah’* tulisan *Abd al-’Aziz Muhammad ‘Izam*, hlm. 244:

Konsisten atas sesuatu perkara yang diterima oleh akal sifat semula jadi yang baik dan ia diaplikasikan secara berterusan di mana para fuqaha’ menjadikan *‘adah* sebagai kegunaan (dalam ilmu fiqh), para mujtahid pula menggunakannya dalam menginstinbat hukum, manakala para *qadhi* menggunakan *‘adah* dalam menyelesaikan kes yang timbul, (maka *‘adah* diterima) dengan syarat ia sudah lama terpatri dan masih berjalan di kalangan masyarakat.

Dapat disimpulkan bahawa penggunaan batu perenggan sah dari sudut hukum syarak kerana penggunaannya sudah menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak terdapat pembuktian yang kukuh yang menandakan bahawa kadar yang dihibahkan itu ialah separuh-separuh. Dengan itu, pertimbangan yang lebih utama adalah dengan merujuk Borang 14A. Dapatan Mahkamah melalui Borang 14A menunjukkan bahawa pembahagian tanah kepada responden adalah sebanyak $\frac{1}{4}$ bahagian dan $\frac{3}{4}$ bahagian kepada ibu perayu menyebabkan rayuan perayu dalam kes ini ditolak. Kajian bersependapat dengan hakim yang memutuskan penghakiman ini kerana pengesahan hibah dengan menggunakan dokumen adalah kuat, kekal dan mudah untuk dibuktikan. Kekuatan sesuatu keterangan menerusi dokumen ini kedudukannya selaras dengan satu kaedah, iaitu “kitabah adalah seperti lisan” yang membawa maksud keterangan dalam bentuk tulisan atau dokumen boleh diterima sebagai keterangan sama seperti keterangan secara lisan/percakapan (Mahmud Saedon, 2003:39). Keterangan berbentuk dokumen juga telah

diterima pakai dalam konteks pembuktian di mahkamah syariah seperti yang diperuntukkan dalam enakmen keterangan mahkamah syariah di negeri-negeri.

Kes *Nur Azwani Mat Arib lwn. Yusuf Said*³³ merupakan kes rayuan antara perayu dengan responden yang merupakan cucu dan cicit kepada Allahyarham Merah bin Bilal Mat Amin. Kes ini berkaitan dengan pengesahan hibah terhadap tanah yang keterangannya ialah GRN 4222 Lot 8 Pekan Bukit Payung, Marang, Terengganu. Responden 1 hingga 4 mendakwa semasa hayat Allahyarham Merah bin Bilal Mat Amin, beliau telah menghibahkan tanah tersebut kepada ibu responden 1 hingga 4, iaitu Allahyarhamah Mandak binti Merah. Allahyarham Merah bin Bilal Mat Amin mempunyai empat (4) orang anak, iaitu Mandak binti Merah, Abu Bakar bin Merah, Bunga binti Merah dan Teh binti Merah dan kesemuanya telah meninggal dunia semasa tuntutan pengesahan hibah difailkan. Malahan tanah tersebut juga masih didaftarkan atas nama Allahyarham Merah bin Bilal Mat Amin.

Tambahan lagi, responden 1 hingga 4 turut mendakwa pemberian hibah tersebut telah diketahui oleh semua anak Allahyarham Merah bin Bilal Mat Amin. Semasa hayat Allahyarhamah Mandak binti Merah juga telah mendirikan rumah kediaman di atas Tanah Tersebut dan rentah atas tanah tersebut tanpa bantahan daripada Allahyarham Merah bin Bilal Mat Amin dan juga tiga adik-beradiknya yang lain. Perayu menyatakan tuntutan pengesahan hibah responden adalah silap, tidak sempurna dan tidak sah kerana responden telah tidak menamakan sejumlah waris lain yang merupakan cucu dan cicit kepada Merah bin Bilal Mat Amin.

Berdasarkan kes *Kerajaan Negeri Terengganu lwn. Y.A.M. Tengku Ibrahim bin Sultan Ismail Nasaruddin Shah*,³⁴ ketidakpatuhan mana-mana pihak yang memfailkan secara sendiri dan tidak bersama mengakibatkannya tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan. Perkara ini telah menjadi asas yang kukuh dan perlu dituruti oleh semua mahkamah. Namun begitu, kesahan hibah dalam kes ini tidak terjejas sama sekali disebabkan telah sempurnanya rukunhibah. Hal ini bahkan tidak akan memberi kesan terhadap mereka. Penghakiman ini adalah bersandarkan rujukan Seksyen 5 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang menerangkan bahawa:

33 [2017] 3 LNS 6.

34 JH 24. Bhg. 2 [2007], No. Kes: 11000-003-0002-2007.

Ketidakpatuhan mana-mana peruntukan enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya tidaklah membatalkan mana-mana prosiding melainkan jika mahkamah memerintahkan sedemikian, tetapi mahkamah boleh atas kehendaknya sendirinya atau atas permohonan mana-mana pihak, mengetepikan mana-mana prosiding keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai tak teratur, atau memerintahkan supaya apa-apa pindaan dibuat atas apa-apa terma yang difikirkan adil.

Oleh itu, rayuan pengesahan hibah ini ditolak kerana tindakan responden yang telah tidak menamakan kesemua waris yang berhak sebagai pihak tidak merosakkan permohonan ini. Begitu pun, keputusan ini tidaklah menjejaskan penghakiman dalam kes yang telah dirujuk tersebut. Kajian juga berpendapat sedemikian kerana asas kepada berlakunya hibah adalah bergantung pada rukun dan syaratnya. Sekiranya rukun dan syarat tersebut dipenuhi, maka persoalan yang berbangkit dalam kes ini adalah kesilapan dari sudut teknikal sahaja. Walau bagaimanapun, keputusannya tetap bergantung pada budi bicara mahkamah seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 5 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Rukun Hibah

Sesuatu hibah yang dilaksanakan mestilah memenuhi rukun juga syarat-syaratnya. Rukun hibah ialah penghibah, penerima hibah, harta yang dihibah dan lafaz *ijāb* dan *qabūl* (al Sayyīd Aḥmad, 232). Dalam kes *Hj Tahir bin Jais lwn. Hj Rahmah bt Hasan*,³⁵ perayu dan responden telah bercerai melalui perintah mahkamah rendah syariah dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Perintah tersebut antara lain menyatakan bahawa perayu bersetuju menambah RM500.00 tiap-tiap bulan wang bulanan selama 30 hari. Responden kemudian memfailkan tuntutan mutaah dan nafkah idah di mahkamah tinggi syariah dan tuntutan tersebut telah dibenarkan oleh hakim bicara. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan seterusnya memfailkan rayuan ini. Persoalan yang dibangkitkan ialah sama ada baki RM16,000.00 setelah ditolak RM15,000.00 daripada cek yang bernilai RM31,000.00 yang telah ditunaikan oleh responden adalah termasuk dalam kategori hibah, hadiah atau sedekah. Hal ini berikutan jumlah tersebut diberikan oleh perayu kepada responden tanpa sebarang perintah daripada mahkamah. Hakim seterusnya menerangkan perbezaan

antara hibah, sedekah dan hadiah dengan merujuk kitab *I' anat al- Talibin*, juzuk 3, hlm. 171 yang bermaksud:

Sesungguhnya jika sesuatu yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang lain yang memerlukannya atau mengharapkan balasan pahala dengan adanya sighth, maka itulah hibah dan *sadaqah*. Jika pemilikan itu dengan tujuan memuliakan seseorang dengan sighth, maka itulah hibah dan hadiah. Jika pemilikan itu bukan dengan tujuan mengharapkan balasan pahala dan bukan juga memuliakan dengan menggunakan sighth, maka itulah hibah sahaja. Jika sesuatu yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang lain yang memerlukannya atau mengharapkan balasan pahala dengan tanpa adanya sighth maka itulah *sadaqah* sahaja. Jika pemilikan itu dengan tujuan memuliakan seseorang tanpa sighth, maka itulah hadiah sahaja.

Berdasarkan takrifan ini, dapat difahami bahawa untuk menjadikan sesuatu transaksi itu sebagai hibah, salah satu syaratnya ialah sighth. Namun begitu, dalam kes ini, sighth hibah tidak dibuktikan. Tanpa adanya sighth, transaksi tersebut sama ada sedekah atau hadiah tidak boleh ditarik balik oleh si pemberi. Dalam hal ini kajian berpendapat bahawa keputusan yang diputuskan oleh mahkamah adalah tepat kerana menepati kehendak hukum syarak yang memerlukan ijab dan *qabul*. Kajian juga merujuk kes *Saharain bin Nordin lwn. Noraidah binti Nordin*³⁶ apabila Mahkamah memutuskan bahawa hibah yang dibuat adalah tidak sah dan terbatal kerana kegagalan membuktikan wujudnya ijab dan *qabul*.

Begitu juga dengan kes *AHMG v. AGMG & Ors*.³⁷ Fakta kes ini ialah perayu merupakan anak kandung kepada si mati, responden 1 hingga 3 merupakan adik-beradik perayu yang juga merupakan anak kandung kepada si mati serta responden 4 ialah balu kepada si mati. Responden 4 telah memfailkan tuntutan pengesahan hibah yang menuntut agar mahkamah mensabitkan ½ bahagian dari sebuah rumah dan tanah yang beralamat di Lot 332, Lorong Ikan Emas 7, Kampong Ampang Campuran 68000 Ampang, Selangor telah dihibahkan oleh si mati kepadanya pada 9 Mac 2001 berdasarkan satu dokumen pindah milik tanah Borang 14A.

Dalam kes ini, perayu berhujah bahawa responden 4 gagal memenuhi elemen rukun hibah dengan tidak memperincikan syarat khas bagi rukun *al-wāhib* (penghibah) dan *al-mawhūb* (barang yang dihibahkan). Malah,

36 [2008] JH 26(I), No. Kes: 10000-044-0006-2007

37 [2019] 3 ShLR.

perayu turut berhujah si mati bukanlah pemilik sempurna harta tersebut disebabkan ia menanggung hutang yang banyak. Mahkamah berpendapat tidak terdapat sebarang pembuktian yang jelas daripada pihak perayu tentang kewujudan hutang yang menjejaskan pemilikan si mati terhadap ½ bahagian hartanah tersebut. Berkenaan isu hutang si mati, mahkamah berpendapat hal tersebut perlu dibicarakan dalam sebuah forum yang lain. Mahkamah turut menambah bahawa sekiranya hutang si mati wujud, hutang tersebut perlu dilangsaikan terlebih dahulu sebelum pembahagian secara faraid dilakukan.

Bukan itu sahaja, mahkamah turut mendapati bahawa fakta hak milik si mati terhadap ½ bahagian hartanah tersebut dan fakta bahawa tiada sebarang pertukaran hak milik direkodkan terhadap pemilikan si mati juga telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Oleh yang demikian, si mati merupakan pemilik mutlak hartanah yang dihibahkan tersebut berdasarkan Seksyen 340(1) Kanun Tanah Negara seperti yang berikut:

(1) Hak milik atau kepentingan mana-mana orang atau badan buat masa itu didaftarkan sebagai tuan punya mana-mana tanah, atau atas nama siapa apa-apa pajakan, gadaian atau esmen adalah buat masa itu terdaftar, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut seksyen ini, tidak boleh disangkal.

Pada pendapat kajian, dakwaan dan hujah yang dikemukakan oleh perayu dalam kes ini adalah tidak jelas kerana perayu sendiri tidak dapat membuktikan atau mengemukakan keterangan yang boleh berpihak kepada perayu. Oleh yang demikian, jelaslah di sini bahawa berlaku ataupun wujud hibah kerana rukun *al-wāhib* (penghibah) dan *al-mawhūb* (barang yang dihibahkan) telah dipenuhi. Selain itu, dalam sesuatu kontrak hibah juga penghibah (*al-wāhib*) disyaratkan untuk mempunyai pemilikan yang penuh terhadap harta yang hendak dihibahkan.

Menerusi kes *HH & Ors v. HS*,³⁸ dalam fakta kes ini perayu telah memfailkan rayuan terhadap keputusan mahkamah tinggi syariah yang telah meluluskan permohonan responden berdasarkan s 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan mengisytiharkan bahawa responden berhak menarik balik dan membatalkan hibah terhadap harta yang diberikan kepada perayu.

38 [2019] 3 ShLR

Harta yang dimaksudkan di sini ialah wang tunai di dalam akaun Tabung Haji dan akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) perayu, saham-saham syarikat S&R Sdn Bhd dan beberapa unit harta tak alih. Isu yang dibangkitkan ialah sama ada harta tersebut harta hibah daripada responden kepada perayu atau tidak. Dalam hal ini, Mahkamah perlu memutuskan sama ada responden merupakan pemilik mutlak harta tersebut, dan sama ada wujud rukun sighthibah dalam pindah milik harta tersebut. Responden dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau telah memasukkan wang ke dalam akaun ASB dan Tabung Haji perayu yang berjumlah RM120,000.00 setiap seorang. Malah akaun tersebut juga telah dibuka oleh responden ketika perayu berumur 18 tahun yang ketika itu masih lagi belajar ataupun baru mula bekerja. Hakim bicara berpendapat wujud *qarinah* yang menunjukkan wang tersebut merupakan milik responden berikutan dakwaan perayu bahawa arwah ibu mereka ada memasukkan wang ke dalam akaun ASB dan Tabung Haji tidak dapat dibuktikan sewajarnya.

Hakim bicara juga berpandangan transaksi yang dilakukan juga melibatkan jumlah yang besar sedangkan pada ketika itu umur perayu masih muda. Malahan keadaan arwah ibu perayu ketika itu juga tidak bekerja sejak dari tahun 1980 lagi. Oleh yang demikian, dapatan ini merupakan *qarinah* yang menyokong fakta bahawa wang yang berada dalam akaun ASB dan Tabung Haji perayu bukanlah hasil simpanan mereka sendiri. Berkenaan saham syarikat S&R pula, hakim bicara berpandangan responden merupakan pemilik saham tersebut berdasarkan ID19 dan ID21A dan juga keterangan SP1. Jika responden bukan pemilik mutlak kepada saham tersebut, mana mungkin pindah milik saham dilakukan dengan menggunakan nama responden. Dari sudut harta tak alih pula, hakim bicara melalui dapatannya menyatakan bahawa harta tak alih ini merupakan harta mutlak responden meskipun sudah diletakkan nama anak-anak responden termasuk perayu sebagai pemilik berdaftar dalam daftar hak milik. Walaupun nama responden tidak dimasukkan sebagai pemilik berdaftar, namun hakim bicara mendapati kesemua pembayaran untuk memperoleh harta tersebut telah dibuat oleh responden. Perayu gagal membuktikan bahawa arwah ibu perayu turut menyumbang secara material untuk memperoleh harta tersebut. Melalui kitab *at-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah* tulisan Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, ms 30, penguasaan (*al-yad al-hissiyyah*) boleh di samakan dengan pemilik berdaftar dalam geran dan bukanlah pemilik yang tidak boleh disangkal menurut hukum syarak:

Maksudnya: Sebenarnya dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata berdasarkan penguasaan yang nyata (*al-yad al-hissiyyah*) dalam harta itu. Setakat penguasaan tersebut belum tentu membuktikan pemilikannya. Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak milik sesuatu harta semata-mata penguasaan terhadap harta itu, maka nescaya dapat diterima kebenaran seseorang perampas serban orang lain yang mana serban yang dirampas itu berada di tangannya dan di atas kepalanya sudah ada serban, manakala orang lain mengejar di belakangnya dalam keadaan tidak memakai serban dan kami (pengarang) memutuskan bahawa penguasaan sedemikian adalah suatu kezaliman dan melampaui batas dan tidak boleh diterima.

Berdasarkan keterangan yang diperoleh, jelas menunjukkan bahawa hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan bahawa harta tak alih tersebut ialah harta mutlak responden.

Dalam kes *HH & Ors v. HS*³⁹ juga, isu lain yang ditimbulkan ialah berkenaan sighthibah. Wahbah al Zuhaily mentakrifkan sighthibah sebagai perkara yang dituntut dalam ijab sama ada melalui perkataan atau perbuatan dan lain-lain cara yang difahami yang membawa maksud hibah (*al-Zuhayli*, 8). Hakim bicara dalam kes ini memutuskan bahawa arahan responden kepada pemaju untuk melakukan pindah milik harta alih kepada perayu adalah merupakan ijab dan *qabul* yang menunjukkan sempurnanya pemberian dan penerimaan hibah. Responden dalam keterangannya menyatakan “pada waktu saya hibahkan harta-harta ini saya tak faham apa itu hibah. Yang saya tahu kalau tak puas hati bapa boleh ambil balik harta itu” dan “atas dasar kasih sayang saya berikan saham ini”. Mahkamah berpendapat bahawa pernyataan responden ini merupakan penjelasan kepada transaksi pemberian melalui pindah milik wang, peletakan nama dalam daftar hak milik dan pindah milik saham yang telah dilakukannya. Jelas di sini bahawa responden sememangnya berhasrat dan bermaksud untuk menyerahkan harta tersebut kepada perayu sebagai hibah walaupun responden sendiri tidak memahami hibah yang sebenarnya.

Kes ini juga merujuk keputusan kes *Muhammad bin Awang & Lain-lain lwn. Awang bin Deraman & Lain-lain*.⁴⁰ Namun begitu, yang membezakan kes ini dengan kes yang dibahaskan ialah ketiadaan keterangan oleh pemberi hibah sebagai saksi yang dapat mengesahkan pemberian hibah tersebut memandangkan pemberi hibah sudah meninggal dunia. Dengan

39 [2019] 3 ShLR

40 [2001] JH 24(2) 165, No. Kes: 5/2000

itu, mahkamah memutuskan bahawa pindah milik tersebut adalah sekadar suatu pemberian dan bukannya hibah menurut hukum syarak. Kes ini berlanjutan ke mahkamah rayuan, hakim bicara turut menolak rayuan perayu dan menjelaskan bahawa:

Dalam kes ini suatu pemberian telah pun berlaku dan pemberian tersebut dibuat secara percuma dan apabila sesuatu pemberian itu tidak disebut dengan terang dan jelas sama ada hibah atau hadiah atau sedekah, maka ianya perlu kepada tafsiran mengikut suasana dan keadaan berlaku sesuatu pemberian dan juga tuntutan atau permohonan dalam sesuatu kes.

Dapatan mahkamah dalam kes ini juga menunjukkan bahawa perayu-perayu tidak sependapat dengan penarikan balik yang dibuat oleh responden. Oleh yang demikian, berdasarkan keputusan kes ini jelaslah bahawa hakim bicara tidak terkhilaf dalam hal memutuskan rukun sighth telah dipatuhi dalam segala transaksi pemberian kerana tuan harta itu sendiri sudah menyatakan dengan jelas hasrat, maksud dan niat pemberian itu. Kajian juga berpendapat bahawa *ijab* dan *qabul* tidak hanya berdasarkan kata-kata tertentu, malah perkataan lain juga boleh digunakan dalam akad hibah. Sekiranya lafaznya membawa kepada tujuan pemberian dan penerimaan mengikut '*urf*', maka secara tidak langsung membawa kepada penyempurnaan sighth hibah (al-Zuhayli, 5).

Seterusnya, persoalan yang dibangkitkan dalam kes *Nik Nor Hazlini bt Nik Abdul Hamid v. Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid & Ors*⁴¹ adalah berkenaan dengan akad hibah. Dalam tuntutan pengesahan hibah ini, plaintif mendakwa bahawa si mati telah berniat menghibahkan sebuah rumah kedai kepada empat orang anak perempuannya, iaitu plaintif, defendan pertama, kedua dan ketiga. Namun begitu, pindah milik tidak sempat dilaksanakannya. Defendan keempat membantah tuntutan plaintif ini. Dalam keterangannya, plaintif menyatakan kepada mahkamah bahawa dia sering mengungkit melalui telefon mengenai hartanah tersebut ketika si mati sakit dan si mati ada berkata "tak apalah tengah buatlah dah ni ...". SP1 dalam keterangannya pula menyatakan bahawa dia ada meminta agar hartanah tersebut ditukar kepada namanya ketika dia bercerai dan si mati bersetuju bagi atas nama anak. Keterangan SP2 pula, iaitu penyewa hartanah tersebut adalah bahawa si mati pernah bercerita bahawa sekiranya

41 [2014] 3 ShLR.

berlaku apa-apa, hartanah tersebut hendaklah diberikan kepada anak perempuannya. Plaintiff menghujahkan bahawa tindakan si mati memohon kebenaran pindah milik daripada Menteri Besar dan telah mendapat kelulusan adalah merujuk kepada rukun kedua, iaitu akad hibah.

Dalam keterangan plaintiff dan saksi-saksinya, si mati ada melafazkan ijab atau pelawaan hibah seperti yang berikut:

- (a) Perbualan telefon di antara Plaintiff dengan si mati semasa arwah sakit:

“... Saya selalu ungkit melalui telefon pasal rumah kedai ini kerana masa tu arwah sakit. Tujuan saya hubungi arwah kerana hendak tanya bila hendak tukar nama kedai ke atas nama anak-anak. Arwah kata ‘tak apalah tengah buatlah dah ni ...’”

- (b) Keterangan saksi pertama selepas perceraian dengan si mati sekitar tahun 1990:

“... semasa hendak bercerai ada berunding mengenai rumah kedai. Masa berunding saya minta ditukar kedai tersebut kepada nama saya kerana saya tahu saya tiada anak lelaki. Arwah bersetuju bagi atas nama anak. Pada waktu itu tidak diberi atas nama anak kerana anak masih kecil ... Kata arwah ‘mung tak soh (jangan) bimbang lah sebab aku nak beri kepada anak’.”

- (c) Keterangan saksi kedua yang merupakan penyewa hartanah tersebut menyebut bahawa arwah pernah bercakap soal penyerahan kedai kepada anak perempuannya jika berlaku hal yang tidak diingini terhadapnya.

Berdasarkan keterangan ini, mahkamah berpendapat tidak terdapat lafaz ijab atau penawaran hibah daripada si mati, yang ada hanyalah sekadar niat atau hasrat untuk melakukan hibah. Keputusan ini diperkukuh dengan pengakuan daripada plaintiff dalam pernyataan tuntutan yang menyebut bahawa si mati telah berniat untuk memberikan hartanah tersebut kepada anak-anak perempuannya sebelum kematiannya.

Lanjutan itu, plaintiff berhujah bahawa tindakan si mati yang memohon kebenaran memindah milik dan telah memperoleh kelulusan daripada Menteri Besar disandarkan kepada akad hibah. Walau bagaimanapun, mahkamah berpandangan surat tersebut hanyalah sekadar simbolik keinginan si mati untuk menghibahkan hartanah tersebut yang telah

mendapat kelulusan daripada Menteri Besar. Malahan urusan pindah milik ini juga tidak disempurnakan dengan menandatangani Borang 14A menyebabkan tuntutan ini ditolak. Dalam hal ini, kajian turut bersetuju dengan penghakiman yang diputuskan kerana ketidakwujudan elemen ijab atau pelawaan dan penyempurnaan dari sudut dokumen pindah milik menyebabkan hibah yang didakwa wujud itu tidak dapat dikuatkuasakan.

***Qabd* (Pindahmilikan)**

Selain rukun hibah seperti *al-wāhib* (Penghibah), *al-mawhūb lahu* (Penerima Hibah) dan *al-mawhūb* (harta hibah), terdapat satu perkara lagi yang dianggap mustahak bagi memastikan sesuatu hibah itu mengikat dan berkuat kuasa, iaitu *qabd* (pindahan milikan). Dalam kes *Siti Khatijah Ismail lwn. Zainab @ Esah Hamid dan Yang Lain*,⁴² perayu yang merupakan anak kandung kepada si mati mendakwa si mati telah menghibahkan tiga bidang tanah kepadanya semasa hayat si mati. Disebabkan tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah yang memerintahkan agar tanah tersebut dibahagikan secara faraid, perayu memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu. Walau bagaimanapun, mahkamah berpuas hati bahawa persoalan atau isu yang perlu diputuskan adalah berkenaan dengan rukun dan syarat sah hibah khususnya bagi rukun sighthah akad dan syarat *qabd*.

Dalam kes ini, segala rukun dan syarat sah hibah tidak dipertikaikan kecuali berkaitan dengan rukun sighthah akad, iaitu lafaz *qabul* serta persoalan berkaitan *qabd* yang menjadi syarat sah hibah menurut pandangan mazhab Syafii. Persoalan *qabul* dengan perbuatan ini telah banyak dibincangkan oleh para fuqaha. Di sisi mazhab Hanafi, ijab dan *qabul* boleh dilakukan dengan lafaz dan perbuatan seperti seorang anak yang ingin memberikan binatang yang melata (*dabbah*) kepada ayahnya. Ayahnya kemudian mengambil *dabbah* tersebut secara tidak langsung telah terjadi hibah walaupun tanpa lafaz ijab dan *qabul* (al-Jaziri, 2003:56). Di sisi mazhab Syafii, ijab dan *qabul* hanya sempurna dengan lafaz sahaja. Akad tersebut tidak sah jika tiada kedua-duanya walaupun telah berlaku *qabd* atau tidak berlaku *qabd* kerana akad hibah berlakunya pemilikan seperti akad nikah (al-Zuhayli, 76). Menurut mazhab Hanbali pula, hibah menerusi perbuatan yang menunjukkan ijab dan *qabul* adalah sah walaupun tidak dilaksanakan dengan lafaz (Ibn Qudamah, 45). Berdasarkan penghakiman yang telah

42 [2017] 3 LNS 8

dibuat di mahkamah syariah di Malaysia, didapati mahkamah mengguna pakai pendapat mazhab Hanafi. Penghakiman sebegini boleh dilihat dalam kes *Eshah binti Abdullah dan Lima Yang Lain lwn. Che Aminah binti Abdul Razak dan Dua Yang Lain*⁴³ dan *Abdul Ghani bin Abdul Kadir lwn. Arpah Binti Abdul Kadir*.⁴⁴ Dalam kes ini, fakta yang dipersetujui dan tidak dipertikaikan ialah perayu telah mengambil dan menyimpan geran hak milik tanah-tanah yang dihibahkan tersebut. Oleh itu, adakah tindakan perayu mengambil dan menyimpan geran hak milik tanah itu merupakan suatu tindakan yang menjadi *qarinah* dan membawa maksud *qabul* secara perbuatan?

Hakim bicara dalam kes ini berpendapat, penentuan sama ada berlaku *qabul* secara perbuatan ataupun tidak bergantung pada kewujudan *qabd*. Dalam hal ini, didapati bahawa *qabd* tidak berlaku disebabkan tiadanya tasarruf oleh penerima hibah. Perbuatan mengambil dan menyimpan geran-geran tanah tersebut semata-mata tidak memadai untuk dianggap sebagai *qabd* selama mana *qabd* itu tidak berlaku secara *takhliyah*, iaitu si mati melepaskan haknya dan memberikan keizinan kepada perayu untuk melakukan tasarruf. Perayu tidak ada menyatakan sebarang usaha ataupun rentah yang dilakukannya terhadap tanah tersebut membuatkan rayuan perayu ditolak. Elemen *qabd* memainkan peranan penting dalam penentuan sesuatu hibah yang dibuat serta untuk dikuatkuasakan. Jumah fuqaha, antaranya al-Nakha'i, al-Thawri, Abu Hanifah, al-Shafii dan fuqaha Hanbali berpendapat bahawa *qabd* ialah syarat untuk menguatkuasakan akad hibah (Nasrul Hisyam, 2009:249).

Menerusi kes *Nik Nor Hazlini bt Nik Abdul Hamid v. Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid & Ors*,⁴⁵ Plaintif mendakwa sebuah bangunan kedai yang terletak di lot 389 Pekan Jertih, Besut, Terengganu telah dihibahkan kepadanya dan adik-beradiknya. Meskipun mahkamah berpuas hati bahawa rukun pertama hibah serta syarat-syaratnya telah dipenuhi, namun tidak wujud sebarang bukti yang menunjukkan berlakunya *qabd* atau penguasaan penerima hibah terhadap tanah tersebut. Hal ini terbukti apabila mahkamah mendapati bahawa si mati masih menguasai hartanah tersebut sementara plaintif, defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga tidak pernah memiliki, menguasai ataupun menikmati kepentingan terhadapnya. Kajian dalam hal ini merujuk kes *Siti Aishah*

43 [2004] XVIII (I) JH 47.

44 [2012] JH 35(II).

45 [2014] 3 ShLR

@ *Kalsom bt Dahalan*⁴⁶ yang menyebut bahawa hibah harta tak alih yang dibuat tanpa melibatkan proses pertukaran hak milik daripada penghibah kepada penerima hibah dianggap tidak sah kerana syarat *qabd* tidak dipenuhi. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa selain rukun hibah yang lain perlu dipenuhi, syarat *qabd* juga memainkan peranan yang penting bagi membuktikan kesahan sesuatu hibah itu untuk berlaku.

Elemen Keterangan

Dalam sesuatu perbicaraan, keterangan merupakan elemen yang mustahak. Hal ini demikian kerana keberhasilan sesuatu dakwaan atau tuntutan itu bergantung pada keterangan yang berasaskan cara atau kaedah yang ditetapkan syarak. Islam telah menggariskan kaedah pembuktian yang diguna pakai seperti *bayyinah*, *syahadah*, *iqrar*, *qarinah*, keterangan dokumen, keterangan pakar, *qasamah*, sumpah dan *li'an*. Dalam kes *Abdullah Zayawi Muda dan Yang Lain lwn. Fatimah @ Rohani Deris @ Idris*,⁴⁷ hakim mengambil kira *iqrar* atau pengakuan yang telah dibuat oleh responden dan saksinya untuk mensabitkan tanah berketerangan KRM 4196 Lot 5772 Mukim Kuala Nerus, Terengganu sebagai hibah. Pengemukaan dua orang saksi yang mendengar sendiri secara lisan daripada si mati digelar sebagai penghulu kepada keterangan (*Sayyid al-Adillah*) yang merupakan kaedah pembuktian yang penting dan kuat dalam sistem keadilan Islam. Peruntukan berkaitan *iqrar* diterangkan dalam Seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, iaitu:

(1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

Responden dalam tuntutannya memohon agar tanah tersebut diisytiharkan sebagai hibah dan tapak rumah yang diduduki oleh responden ialah bahagian yang dihibahkan oleh Allahyarham kepada responden. Bersangkutan dengan itu, didapati bahawa wujud beberapa *qarinah* lain yang menyokong kuat tuntutan tersebut, bahkan fakta ini juga tidak pernah disangkal oleh pihak perayu-perayu.

46 No. Kes: 14200-044-0058-2008.

47 [2017] 3 LNS 7

Antaranya termasuklah tindakan plaintif yang terus membina rumah di atas bahagian tanah yang telah dihibahkan dan tapak rumah yang dibina tidak terkeluar daripada bahagian sempadan batu perenggan. Si mati juga tidak pernah mempertikaikan tindakan responden membina rumah sebaliknya turut melaksanakan solat hajat semasa rumah tersebut hendak dibina. Selain itu, ibu perayu juga tidak pernah mempertikaikan bahagian tanah yang diduduki serta dijaga oleh responden sehinggalah ke akhir hayat beliau. Pemakaian *qarinah* ini turut diperakui dalam perundangan seperti peruntukan bagi Seksyen 16 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang menyatakan:

Apabila terdapat soal sama ada sesuatu perbuatan tertentu telah dilakukan, kewujudan apa-apa perjalanan urusan, yang menurut kelazimannya perbuatan itu pasti dilakukan, ialah *qarinah*.

Rujukan kajian terhadap kes *Raihanah binti Mohd Ali lwn. Kamarudin binti Mohd Nor dan 3 yang Lain*⁴⁸ mendapati bahawa hakim bicara menerima keterangan yang dibuat plaintif secara *iqrar* bahawa si mati telah menghibahkan harta yang dipertikaikan, iaitu sebidang tanah, rumah dan Takaful Mesra kepada Plaintif. Hakim bicara dalam penghakimannya menyebut:

Iqrar yang dibuat oleh plaintif ini, pada pendapat saya hendaklah diterima, kerana tiada alasan yang membolehkannya itu tidak boleh diterima. *Iqrar* yang tidak boleh diterima mengikut hukum syarak telahpun *ditaqinakan* di dalam undang-undang. Ianya adalah sebagai mana diperuntukkan di dalam sek.18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Sementara itu, dalam kes *AHMG v. AGMG & Ors*,⁴⁹ perayu berhujah bahawa responden 4 tidak membuktikan Borang 14A dengan sewajarnya seperti yang dikehendaki dalam seksyen 56 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 apabila hanya mengemukakan seorang saksi sahaja. Perayu mempertikaikan kesahan dokumen tersebut di samping meragui cap jari si mati. Sementara responden 4 mendakwa rukun hibah berkaitan dengan sifah berlaku secara bertulis melalui Borang 14A dan mahkamah juga mendapati bahawa Borang 14A ini

48 No. Kes: 11100-044-0001-2003

49 [2019] 3 ShLR

sememangnya telahpun diterima masuk oleh mahkamah sebagai ekshibit. Berdasarkan Kanun Tanah Negara (KTN), sesuatu pindah milik tanah hendaklah didaftarkan dan perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan seperti syarat penggunaan borang-borang tertentu, aku saksi, pengsteman dan bayaran pendaftaran. Malahan Seksyen 206 (1) KTN menjelaskan bahawa tiap-tiap urus niaga di bawahnya hendaklah dikuat kuasa melalui instrumen tertentu. Instrumen tersebut akan hanya berkuat kuasa apabila didaftarkan. Memandangkan pemberian hibah termasuk dalam kategori urus niaga tanah secara pindah milik yang memerlukan proses pendaftaran, maka permohonan pindah milik tanah melalui transaksi hibah adalah sama prosesnya dengan pindah milik melalui jual beli, iaitu dengan menggunakan Borang 14A (Seksyen 215 KTN).

Sekiranya sesuatu tanah yang hendak dipindah milik mempunyai sekatan kepentingan seperti perlu mendapatkan kebenaran pihak Berkuasa Negeri, maka satu permohonan kebenaran tersebut perlulah diperoleh terlebih dahulu sebelum sesuatu transaksi pindah milik seperti hibah dapat berkuat kuasa berdasarkan Seksyen 120 KTN. Setelah kelulusan tersebut diberi, barulah seseorang itu boleh menyempurnakan Borang 14A di hadapan Penolong Pentadbir Tanah atau peguam. Mahkamah mendapati bahawa keterangan berkenaan kesahihan Borang 14A tersebut telah diberikan oleh SP1, iaitu seorang Timbalan Pendaftar Hak milik daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Borang 14A tersebut merupakan satu dokumen awam yang telah dikemukakan oleh responden 4 kepada mahkamah yang kandungannya telah dibuktikan melalui keterangan primer berdasarkan ss 48 dan 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 yang memperuntukkan:

Seksyen 48. Pembuktian kandungan dokumen.

Kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder.

Seksyen 49. Keterangan primer.

Keterangan primer ertinya dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan Mahkamah.

Dalam kes ini, kajian bersetuju dengan keputusan mahkamah. Hal ini berikutan pengemukaan dokumen primer, iaitu Borang 14A oleh responden 4 sememangnya telah diterima masuk ke dalam mahkamah

seperti yang diperuntukkan dalam ss 48 dan 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003. Malahan dakwaan pihak perayu bahawa responden 4 telah memalsukan cap jari si mati dalam dokumen tersebut dianggap tidak berasas sama sekali kerana pihak perayu sendiri tidak mengambil sebarang tindakan untuk mencabar kesahihan borang tersebut.

Mard al-Mawt

Dalam isu *mard al-mawt*, fuqaha bersepakat bahawa akad hibah hanya akan menjadi sah jika penghibah berada dalam keadaan sedar dan sihat ketika melaksanakan hibah (Noor Lizza & Adnan, 2020:22–28). Oleh sebab itu, seseorang penghibah disyaratkan untuk memiliki tubuh badan dan akal fikiran yang sihat ketika akad hibah dilakukan. Persoalannya di sini, bolehkah seseorang memindahkan harta miliknya kepada individu lain atau pihak tertentu dalam keadaan *mard al-mawt*? Isu lain yang ditimbulkan dalam kes *AHMG v. AGMG & Ors*⁵⁰ adalah berkenaan dengan dakwaan perayu bahawa si mati telah menyempurnakan Borang 14A dalam keadaan *mard al-mawt*. Perayu berhujah bahawa si mati menghidap penyakit angin ahmar yang teruk serta lumpuh anggota badan sebelah kiri dan tidak dapat menguruskan diri sendiri melainkan dengan bantuan orang lain. Sebaliknya, responden 4 berhujah bahawa meskipun keadaan fizikal si mati lumpuh, namun keadaan mental si mati tidak terjejas sama sekali ketika menyempurnakan Borang 14A di hadapan Penolong Pentadbir Tanah. Tambahan lagi, si mati bukanlah melakukan transaksi ini dalam keadaan *mard al-mawt* kerana si mati meninggal dunia tujuh tahun selepas menyempurnakan Borang 14A tersebut.

Penemuan fakta oleh Mahkamah berkenaan sebab kematian si mati adalah secara “*Recurrent pneumonia with sepsis*” yang dilihat tidak selari dengan dokumen D-24B dan D-24C yang menyatakan si mati menghidap ‘*cerebrovascular accident/stroke involving the right cerebellar, right thalamus and right occipital lobe*’. Oleh yang demikian, untuk melihat sama ada si mati berkelayakan untuk *bertasarruf* atau tidak adalah bergantung pada keadaan mental si mati pada tarikh tersebut dan individu yang kompeten untuk menentukannya ialah pakar perubatan yang khusus dalam bidang psikiatri seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 33(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. SD-2

yang merupakan doktor pakar Neurologi Otak dan Saraf menyebut bahawa “... kalau ikut teori, tiada masalah untuk pesakit mengingat sesuatu perkara semua perkara tersebut menggunakan otak kiri” dan “... stroke sebelah kanan otak tetapi kesan kepada sebelah kiri badan. Sepatutnya tidak menjejaskan pemikiran pesakit. Lebih kepada fizikal ...”. Dengan demikian, Mahkamah berpandangan bahawa keterangan SD2 ini tidak menjelaskan keadaan mental si mati dan menghalangnya daripada membuat transaksi hibah tersebut pada 9 Mac 2001.

Selain itu, Mahkamah turut merujuk tafsiran *maradhul maut* dalam Seksyen 2, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 yang menyatakan bahawa:

- ... *marad al-maut* ertinya penyakit membawa maut yang berhubung dengannya syarat-syarat berikut telah dipenuhi:
- (a) penyakit itu mestilah menyebabkan kematian Allahyarham Si mati
 - (b) penyakit itu mestilah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda Allahyarham Si mati; dan
 - (c) mestilah terdapat beberapa tanda luaran suatu penyakit yang serius.

Berdasarkan peruntukan ini, kesemua syarat tersebut mestilah dipenuhi sebelum si mati boleh dikategorikan berada dalam keadaan *marad al-mawt*. Dalam pada itu, keadaan si mati dalam kes ini juga dilihat tidak memenuhi syarat-syarat tersebut. Berdasarkan kes *Mahdi bin Ab Hamid lwn. Mohamad Iqwan bin Yahya*,⁵¹ Mahkamah menyatakan seperti berikut:

Berdasarkan seksyen 2 tersebut, kesemua syarat-syarat yang digariskan hendaklah dipenuhi sebelum sesuatu penyakit dikategorikan sebagai *marad al-maut*. Kami dapati tiada apa-apa keterangan daripada pihak perayu yang menunjukkan bahawa penyakit strok telah menyebabkan kematian si mati, telah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda si mati dan juga tiada keterangan menunjukkan si mati mengalami tanda luaran suatu penyakit yang serius. Kegagalan membuktikan kedua-dua syarat ini menyebabkan penyakit strok yang dialami oleh si mati tidak boleh dikategorikan sebagai *marad al-maut*.

Oleh itu, rayuan perayu dalam isu ini ditolak kerana tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Pemberian hibah dalam keadaan *marad al-*

51 Kes No. 14000-044-0042-2015

mawt, takat harta yang sah untuk dihibahkan adalah hanya 1/3 sahaja. Namun begitu, takat harta tertakluk pada persetujuan ahli waris sekiranya hibah tersebut melebihi kadar 1/3 (Abdul Karim Zaydan, 1969:320–321).

Dari sudut lain, walaupun hibah dibenarkan dalam keadaan *mard al-mawt*, namun hibah masih tertakluk pada beberapa peraturan yang harus diikuti bagi menjadikan hibah itu sah dan berkuat kuasa. Akad hibah yang berlaku ketika penghibah berada dalam keadaan *mard al-mawt* adalah tertakluk pada hukum wasiat seperti hibah yang diberikan kepada bukan waris penghibah mestilah tidak melebihi 1/3 daripada harta peninggalan si mati (penghibah) kecuali dengan keizinan waris-waris penghibah. Namun begitu, dalam kes ini jelas menunjukkan bahawa tidak timbul isu hibah dalam keadaan *mard al-mawt* berdasarkan keterangan yang diperoleh.

Penarikan Balik Hibah

Menurut hukum syarak, seorang bapa berhak untuk menarik balik apa-apa harta yang telah dihibahkan kepada anak-anaknya (Ibn Rushd, 333; Amir Abdul Aziz, 1612). Perkara yang perlu dipastikan sebelum berlakunya penarikan balik hibah ialah harta yang hendak ditarik balik itu mestilah telah dihibahkan secara sah mengikut hukum syarak. Tambahan lagi, terdapat syarat tertentu yang membolehkan penarikan balik hibah, iaitu harta tersebut mestilah masih berada dalam milikan dan penguasaan anak di samping tidak ada sebarang pertambahan yang tidak boleh diasingkan terhadap harta tersebut (Noor Lizza et al., 2010:174–176).

Dalam kes *HH & Ors v. HS⁵²* perayu-perayu menyatakan bahawa kesemua harta yang diberikan oleh responden bukanlah harta hibah yang sah, sebaliknya sekadar harta pemberian semata-mata. Walau bagaimanapun, mahkamah bersetuju bahawa kesemua harta itu masih lagi berada dalam milikan dan penguasaan anak-anak kecuali bagi harta wang yang berada dalam akaun ASB dan Tabung Haji. Daripada dokumen penyata buku akaun ASB dan Tabung Haji, mahkamah mendapati bahawa tarikh penyata tersebut bukanlah tarikh sebenar penarikan hibah yang dilakukan oleh responden. Dalam hal ini, responden telah tidak membuktikan bahawa wang tersebut masih wujud ataupun tidak ketika penarikan balik hibah dilakukan. Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan bahawa penarikan balik wang simpanan ini tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dan hakim bicara telah terkhalaf apabila memerintahkan wang

di dalam akaun ASB dan Tabung Haji perayu-perayu yang berjumlah RM120,000.00 dipulangkan kepada responden.

Kajian bersetuju dengan pandangan para fuqaha bahawa hukum penarikan balik hibah adalah harus jika dilakukan secara rela antara pemberi hibah dan penerima hibah atau menerusi keputusan hakim. Justifikasi kajian dalam perkara ini ialah penarikan balik hibah itu dapat memberi dan menjaga maslahat umat Islam. Berdasarkan kes *Eshah bt Abdul Rahman lwn. Azuhar b Ismail*,⁵³ plaintif yang merupakan ibu angkat kepada defendan dan telah memberikan sebidang tanah kepada defendan dengan harapan defendan akan menjaga dan membantu plaintif semasa hayatnya. Walau bagaimanapun, defendan telah mengabaikan kebajikan plaintif setelah selesai proses penukaran hak milik tanah tersebut. Plaintif yang telah tidak berpuas hati telah memfailkan tuntutan untuk menarik balik hibah tersebut bagi melangsaikan hutang dan perbelanjaan plaintif ke Mekah. Disebabkan pemilikan defendan atas tanah tersebut telah sah dan memenuhi rukun dan syarat hibah, mahkamah terpaksa menolak tuntutan tersebut. Ketidakbolehan penarikan balik hibah dalam kes ini jelas menunjukkan bahawa maslahat atau kepentingan pemberi hibah tidak dilindungi.

KESIMPULAN

Berdasarkan kes hibah yang diputuskan dan dilaporkan dalam jurnal undang-undang terpilih di atas menunjukkan bahawa terdapat beberapa isu yang berbangkit berkaitan dengan hibah. Antaranya termasuklah pengesahan hibah, rukun hibah, *qabd*, *marad al-mawt*, penarikan balik hibah termasuk aspek elemen keterangan. Kajian mendapati bahawa walaupun tiada undang-undang bertulis hibah secara khusus namun hal ini tidak menghalang untuk pertikaian berkaitan dengan hibah tetap boleh diselesaikan di hadapan Hakim Syarie. Hakim secara konsisten menggunakan rujukan yang berautoriti seperti hukum syarak, pandangan fuqaha, kitab-kitab fiqh dan sebagainya untuk memutuskan sesuatu kes hibah dalam membuat penghakimannya di mahkamah syariah. Yang dapat diperoleh daripada analisis kes tersebut ialah kebanyakan isu utama yang dibangkitkan adalah tentang rukun hibah. Isu rukun dalam hibah adalah sangat penting kerana merupakan asas sama ada wujud atau tidak

53 [1997] 2 JH 219.

sesuatu hibah yang dilakukan oleh pihak-pihak. Perkara utama yang perlu dilakukan bagi memastikan sesuatu hibah itu sah dan boleh dikuatkuasakan adalah dengan memenuhi segala rukun serta syarat hibah terlebih dahulu sebelum apa-apa transaksi hibah itu dapat diputuskan sah oleh mahkamah syariah. Di samping itu, kajian juga mendapati bahawa seperti kajian lain yang turut mencadangkan agar undang-undang hibah dapat disegerakan memandangkan instrumen hibah kini menjadi pilihan dalam pembahagian harta serta telah ditawarkan oleh pelbagai pihak industri. Dengan adanya undang-undang hibah ini akan dapat memberi penjelasan terhadap hukum syarak berkaitan dengan hibah kepada orang ramai serta pengamal undang-undang di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas geran penyelidikan FP017-2020 yang membantu penghasilan makalah ini.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahman Balangkhair. (1997). *al-Hibah fi al-Madhab wa al-Qanun*. (t.t.p.: Matba’ah al-Nuhah al-Jadidah), 14, 16, 127.
- Abdul Aziz Hassan (Pengasas, Zar Perunding Pusaka Sdn Bhd) dalam temu bual dengan kajian, 3 Februari 2014.
- Abdul Ghani bin Abdul Kadir lwn. Arpah Binti Abdul Kadir [2012] JH 35(II).
- Abdul Karim Zaydan. (1969). *al-Madkhal Li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*. Matba’ah al-Ani.
- Abdullah Zayawi Muda dan Yang Lain lwn. Fatimah @ Rohani Deris @ Idris [2017] 3 LNS 7
- AHMG v. AGMG & Ors [2019] 3 ShLR.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akta 505).
- al-Ghazzali. (1997). *al-Wajiz fi Fiqh al-Imam al-Shafi’I*. Dar al-Arqam, 4:267
- al-Jaziri, Abd Rahman. (2003). *al-Fiqhala al-Madhahib al-Arbaah. Cet. 2. Jil. 3. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah*.
- al-Khatib, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad. (2003). *al-Iqna’ fi hal al-fazliIbnShuja’* Juz. 2. al-Maktabah alTawfiqiyah).
- al-Nawawi, *Rawdah al-Talibin*, ed. Shaykh ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud dan al-Shaykh ‘Ali Muhammad Mu‘awwad. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 4:429.

- al-Sarakhshi. (t.t). *Kitab Al-Mabsut*. Dar al-Ma'rifat, 12:58;
- al-Shafi'i, *al-Umm*, cet. ke-1. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 4:141
- al-Shirbini. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'ani Alfaz al-Minhaj 'ala Matn Minhaj al-Talibin*. Dar al-Ma'rifah, 2:512.
- al-Shirbini. (1997). Shams al-Din Muhammad al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani al-Alfaz al-Minhaj*. Dar al-Ma'rifah, 4:521.
- al-Zuhayli, Muhammad. (2011). *al-Muktamad fi Fiqh Imam al-Shafie*. Cet. 3. Jil. 3 (1432H). Dar al-Qalam,
- al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dar al-Fikr, 3:8.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1999). *Fiqh & Perundangan Islam*. Terj: Ahmad Shahbari Salamon et al. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Mohd Rapini & Ruzman Md Noor. (2007). Prinsip keadilan dalam sistem kehakiman Islam: Tumpuan khusus terhadap konsep syahadah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9.
- Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 (No.12/2008)
- Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 (No.6/2004)
- Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 (No.3/2001)
- Enakmen Mahkamah Syariah Kedah (No.4/1994)
- Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 (No.6/2004)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (No. 16/2003)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (No.7/2002)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (No.1/2003)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan)(Pindaan) 2005 (No.8/2005)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak)(Pindaan) 2005 (No.6/2006)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 (Pindaan 2008) (No.4/2006)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004 (No.4/2004)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006 (No.4/2006)
- Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan (Pindaan) 1998 (No.10/1998)
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang (Pindaan) 2001 (No.5/2001)
- Eshah binti Abdullah dan Lima Yang Lain lwn. Che Aminah binti Abdul Razak dan Dua Yang Lain [2004] XVIII (I) JH 47.
- Eshah bt Abdul Rahman lwn. Azuhar b Ismail [1997] 2 JH 219.
- HH & Ors v. HS [2019] 3 ShLR.
- Hj Tahir bin Jais lwn. Hjh Rahmah bt Hasan [2016] 4 ShLR.
- Hjh Norzanah bt Hj Abidin lwn. Pg Hj Jaluyi bin Pg Hj Ismail [2016] 2 ShLR.
- Ibn Qudamah. (1981). *al-Mughni*. Maktabat al-Riyad al-Hadithah, 8:239.
- Ibn Qudamah. (2001). *al-Mughni*, 473; al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, ed., Muhammad Hasan Ismail al-Shafi'i, cet. ke-1. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 12:121.
- Ibn Rusyd. (t.t). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Dar al-Fikr, 5:361.

- Imam Ibn Rushd, *Kitab Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, 2, h. 333 dan Dr Amir Abdul Aziz, *Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah*, 3, h. 1612.
- Jasmin Jamaluddin (As-Salihin Trustee Bhd) dalam temu bual dengan kajian, 1 November 2013.
- Kanun Tanah Negara 1965
- Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001 (No.42/2001)
- Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (No.24/2001)
- Perlembagaan Persekutuan
- Ibn Qudamah, *Abdullah bin Ahmad. (t.th). al-Mughni (Juz 5). Alam al-Kutub.*
- Kamal Hamdi. (1987). *al-Mawarith wa al-Hibah wa al-Wasiyyah*. Dar al-Matbu'ah al-Jam'iyah, 145.
- Kerajaan Negeri Terengganu lwn. Y.A.M. Tengku Ibrahim bin Sultan Ismail Nasaruddin Shah, JH 24. Bhg. 2 [2007].
- Mawsu'ah al-Hadith al-Syarifah al-Kutub al-Sittah*. (2000). Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Taqzi', cet. 3, 204.
- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Undang-undang Keterangan Islam*. Dawama Sdn bhd, Selangor.
- Muhammad bin Awang & Lain-lain lwn. Awang bin Deraman & Lain-lain [2001] JH 24(2)165.
- Muhammad Qadri Basha. (2006). *al-Ahkam al-Shar'iyah fi al-Ahwal al-Shakhsiyyah*. Dar al-Salam, 1:215.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali Asy-Sharbaji. (1996). *al-fiqh al-Manhaji*. Darul al-Qalam, 119.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2009). Elemen qabd (pindahan milikan) dalam hibah: Analisis terhadap keperluan dan pelaksanaannya mengikut perspektif undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*, 17(2), 243–266.
- Nik Nor Hazlini bt Nik Abdul Hamid v. Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid & Ors [2014] 3 ShLR.
- Nur Azwani Mat Arib lwn. Yusuf Said [2017] 3 LNS 6.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, & Amir Husin Mohd Nor. (2010). Qabd dan hukum penarikan balik hibah. *Jurnal Muamalat*, 3, 174–176
- Noor Lizza Mohamed Said & Adnan Mohamed Yusoff. (2020). Implikasi *Marad Al-Mawt* ke atas akad hibah, *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(2), 22–28.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Noor Inayah Yaakub. (2010). Hibah: Isu pindah milik dan pembatalan hibah hartanah di bawah Kanun Tanah Negara. *Shariah Law Report*, 1, 14–29.
- Saharain bin Nordin lwn. Noraidah binti Nordin [2008] JH 26(I).
- Siti Khatijah Ismail lwn. Zainab @ Esah Hamid dan Yang Lain [2017] 3 LNS 8.

- Sheikh Ghazali Hj Abdul Rahman (Penasihat Perundangan Syariah, Pejabat Peguam Negara) dalam temu bual dengan kajian, 2 Januari 2014.
- Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin. (2021). Penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman mahkamah syariah: Kajian di bahagian sokongan keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) terhadap hak wanita dan kanak-kanak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(39), 41–50.